



BERJAYA: Dekan, Penasihat dan Felo Exco Akademik Jakmas KKTm bergambar dengan ahli panel forum.

Ilmu dan kemahiran perlu seiring

UB 13.07.2022 P.06

KOTA KINABALU: Siswa dan siswi hari ni perlu mempersiapkan diri bukan saja dengan ilmu tetapi juga kemahiran agar lebih berdaya saing, fleksibel dan inovatif.

Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr Asmady Idris berkata, saranan dilakukan selaras dengan visi kerajaan

untuk membina masyarakat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

“Selain tidak mempunyai persiapan ilmu dan kemahiran berdaya saing, antara faktor yang menyebabkan penganguran masa kini, termasuklah faktor ekonomi, persaingan dan kebolehpasaran graduan itu sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian

ketika berucap pada majlis perasmian penutup Program Mini Pameran dan Forum Hala Tuju Kerjaya Graduan UMS Tahun 2022, di Kolej Kediaman Tun Mustapha, baru-baru ini

Program berkenaan adalah anjuran bersama di antara pelajar semester akhir Program Komunikasi, Pusat Luar Universiti Malaysia

Sabah (PLUMS) di bawah subjek Rundingcara Perhubungan Awam AK31603 dan Jabatan Kebajikan Mahasiswa, UMS (JAKMAS), KKTm.

Tiga agensi lain yang turut menjayakan program itu iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara Malaysia dan GIAT-MARA.